

# AL – HIKMAH

ISU NO. 8 (Disember 2020) ISSN : 2600-7789

AKIDAH | TASAWWUF | FALSAFAH | PERBANDINGAN AGAMA

## PENGENALAN RINGKAS KITAB AL-MILAL WA AL-NIHAL



**Said Hawwa and the Importance of Spiritual Development**

**ALLAH WUJUD TIDAK BERTEMPAT:  
AKIDAH UMAT ISLAM ATAU SLOGAN  
SEMATA-MATA?**

**Peranan Ilmu Perbandingan  
Agama Dalam Pembangunan  
Dakwah Di Malaysia**

**بين الإسلام والسلام**



**رأي الباقلاني في علاقة أسماء الله بصفاته**

**Aktiviti Lawatan & Dialog Antara Agama: Menjawab  
Salah Faham & Prasangka**

**SIDANG EDITOR MAJALAH AL-HIKMAH SESI  
2019/2020**

**PENAUNG**

Profesor Madya Dr. Mohd Faizal Kasmani  
*Dekan Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan*

**PENASIHAT**

Prof Madya Dr Kamaluddin Nurdin Marjuni  
Dr Wan Mohd Fazrul Azdi Bin Wan Razali  
Dr Mohamed Mihlar Bin Abdul Muthaliff  
Dr Ahmad Najaa' Bin Mokhtar

Dr Mohd Rosmizi Bin Abd Rahman

**KETUA EDITOR**

Dr Marina Munira Bt Abd Mutalib

**TIMBALAN KETUA EDITOR**

Mohammad 'Izzuddin bin Mohamad Ares

**EDITOR PENGURUS**

Dr Roslizawati Bt Mohd Ramly

**SETIAUSAHA**

Ummi Anis Binti Jusoh

**EDITOR**

Mohammad 'Izzuddin Bin Mohamad Ares

**DARI SIDANG EDITOR**

Setinggi-tinggi kesyukuran kami ucapkan kehadrat Allah Yang Maha Bijaksana yang merezekikan kami masa dan tenaga dalam memperjuangkan agama yang suci ini. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w, rasul akhir zaman yang membawa rahmat kepada sekalian alam serta ahli keluarga baginda dan para sahabat serta orang-orang yang mengikut jejak langkahnya sehingga hari akhirat.

Majalah ini merupakan hasil karya para pensyarah dan pelajar Pengajian Akidah & Agama yang menghimpunkan beberapa artikel ilmiah dan separa ilmiah. Penulisan majalah ini bertujuan untuk mencungkil bakat penulisan dalam kalangan pelajar Pengajian Akidah & Agama dan memberi platform kepada para pensyarah serta pelajar untuk berkarya secara penulisan akademik atau bukan akademik.

Majalah Al-Hikmah edisi ke-lapan bertemakan beberapa cabang utama dalam bidang Pengajian Akidah & Agama iaitu Falsafah, Tasawuf, Akidah dan Perbandingan Agama yang memberikan pendedahan asas tentang pengenalan falsafah dan kepentingannya serta pengenalan teologi dan kewujudan kepelbagaian agama di dunia. Setiap artikel dibahagikan kepada beberapa kolumn seperti Tinta Pensyarah, Kalam Siswa, Jejak Alumni, Aktiviti Pelajar dan Kenali Pensyarah.

Sekalung penghargaan kami ucapkan kepada Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP), Universiti Sains Islam Malaysia di atas sokongan yang diberikan bagi menjayakan majalah ini. Seterusnya, ribuan terima kasih diucapkan kepada Ketua Program dan barisan pensyarah yang banyak membantu memantau proses gerak kerja Majalah Al-Hikmah. Akhir sekali, jutaan terima kasih diucapkan kepada barisan sidang editor yang telah bertungkus-lumus menyiapkan majalah daripada awal hingga ia berjaya diterbitkan. Moga usaha ini diberkati dan diredhai Allah dan menjadi antara saham kebaikan di akhirat kelak.

**PENGENALAN RINGKAS KITAB AL-MILAL WA AL-NIHAL OLEH IMAM AL-SHAHRASTĀNĪ (479-548H / 1086-1158M)**

***Dr. Wan Mohd Fazrul Azdi bin Wan Razali,***

Pensyarah Kanan,

Program Pengajian Akidah dan Agama,

Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan,


Universiti Sains Islam Malaysia

**Pendahuluan**

Kemajuan teknologi hari ini memudahkan pencarian maklumat berkenaan pelbagai perkara. Bermula daripada hal ehwal agama, pendidikan, kesihatan, ekonomi, sosial, politik, makanan dan fesyen. Segala-galanya kini di hujung jari. Malah, dapat dikatakan bahawa mereka yang hidup tanpa maklumat adalah mereka yang ketinggalan atau tidak hidup mengikut semangat zaman (*zeitgeist*) sekarang. Dalam ungkapan Alvin Toffler (1928-2016), seorang penulis dan pemikir kajian masa hadapan daripada Amerika: “*the illiterate of the 21st century will not be those who cannot read and write, but those who cannot learn, unlearn, and relearn.*”

Jika dibandingkan kehidupan hari ini dengan kehidupan pada abad-abad yang lalu, kita boleh memahami kesukaran dan keperihan yang dihadapi oleh para sarjana dan penulis awal dalam mendapatkan maklumat serta merekodkan segala macam informasi. Bayangkan para ilmuwan awal yang tidak memiliki komputer riba atau telefon tangan untuk merekod dan merujuk maklumat yang telah mereka peroleh. Tidak mempunyai aplikasi atau perisian untuk menyusun dan menganalisis segala rekod maklumat. Terpaksa mencatat segala pemerhatian dan sumber lisan yang mereka peroleh daripada para guru atau informan dalam lembaran kertas, kulit kayu, pelepas daun, dan batu. Menulis menggunakan pena bulu burung, ranting kayu atau jari dicelup cat warna yang terpaksa dibancuh terlebih dahulu.

Begitu jugalah kajian agama pada zaman-zaman awal Islam adalah sukar dilaksanakan jika dibandingkan dengan persekitaran moden hari ini. Pada zaman dahulu, tahap kemajuan teknologi adalah rendah dan terdapat jurang yang besar dalam masyarakat antara mereka yang berpengetahuan dan yang tidak mendapat pendidikan. Apa yang turut merisaukan juga adalah sikap dan persepsi yang dimiliki dalam kalangan penganut agama terhadap agama-agama lain. Menurut John R. Hinnells dalam *The Routledge Companion to the Study of Religions*: “In the ancient world, there were, roughly speaking, three alternatives: to ignore them altogether (the majority view), to observe them as curiosities, without taking them too seriously, and to condemn them as evil” (2005:23).




Artikel ini ditulis untuk memperkenalkan secara ringkas berkenaan kitab *Al-Milal Wa Al-Nihāl* oleh Imam Al-Shahrastānī (479-548H / 1086-1158M) yang berjaya menyumbang rekod awal berkenaan agama-agama dan kumpulan-kumpulan Islam (*fīraq Islamiyyah*) yang wujud pada kurun ke 6 Hijrah atau 12 Masihi. Kitab *Al-Milal Wa Al-Nihāl* merupakan antara kitab utama dalam bidang Pengajian Islam yang meneroka ajaran-ajaran dan doktrin-doktrin yang dipercayai serta diamalkan oleh penganut-penganut agama Islam dan bukan Islam.

### Biografi Imam al-Shahrastani

Nama penuh Imam al-Shahrastani adalah Abu al-Fath Muhammad bin Abd al-Karim bin Ahmad bin Abi al-Qasim bin Abi Bakr. Penisbahan gelaran al-Shahrastani dibuat kepada beliau bersempena dengan negeri kelahiran dan kewafatannya iaitu Shahrastan, sebuah wilayah yang terletak di hujung utara Khurasan. Beliau dilahirkan pada 479H (1086M) dan meninggal dunia pada tahun 548H (1158M).

Imam al-Shahrastani telah memulakan pengajiannya di Shahrastan dengan mempelajari ilmu-ilmu asas Pengajian Islam yang terdiri daripada ilmu Akidah, al-Quran, al-Sunnah, Fiqh, Usul al-Fiqh, Bahasa Arab dan banyak lagi. Seterusnya beliau berhijrah ke Nisabur dan meneruskan pencariannya dalam pelbagai disiplin ilmu dan menuntut daripada pelbagai sarjana yang hebat. Kebanyakan daripada guru-guru beliau adalah merupakan murid kepada tokoh ulama yang hebat iaitu Imam al-Haramayn al-Juwayni (419-478H / 1028-1085M).



Antara guru-guru beliau ini adalah Abu al-Qasim Salman b. Nasir al-Ansari (m. 412H / 1118M), Abu al-Hasan 'Ali b. Ahmad al-Madini (m. 494H / 1100M), Abu al-Muzaffar Ahmad b. Muhammad al-Khwafi (m. 500H / 1106H), dan Abu Nasr 'Abd al-Rahim b. Abi al-Qasim 'Abd al-Karim al-Qushayri (m. 514H / 1120M), yang merupakan anak kepada penulis kitab tasawuf yang hebat *bertajuk al-Risalah al-Qushayriyah*.


Imam al-Shahrastani pernah mengajar di pelbagai tempat dan telah menulis pelbagai kitab. Beliau pernah mengajar di Madrasah al-Nizamiyyah di Baghdad, iaitu di tempat pengajian yang sama pernah diajar oleh Imam Abu Hamid al-Ghazali (450-505H). Majlis pengajian beliau di Baghdad ini diterima dengan baik oleh ramai orang dan dihadiri oleh ramai ulama dalam pelbagai bidang. Setelah pulang ke Khurasan, beliau dilantik untuk mengetuai Dewan Persuratan Sultan, malah beliau juga pernah menjadi Kadi di daerah Tus.

Seperti mana yang telah dinyatakan sebelum ini, Imam al-Shahrastani telah menghasilkan pelbagai kitab, dalam pelbagai bidang ilmu seperti ilmu kalam, falsafah, tafsir al-Quran dan perbandingan agama. Ada antara kitab ini yang telah hilang dan ada juga yang telah diterbitkan untuk bacaan masyarakat hari ini. Antara kitab yang telah beliau hasilkan adalah:

1. *Nihayah al-Iqdām fī ḥilm al-Kalām*
2. *al-Milal Wa al-Nihāl*
3. *Muṣāraḥah al-Falāsifah*
4. *Ghāyah al-Murām fī ḥilm al-Kalām*
5. *Al-Irshād llā Ḥaqā'id al-Ḥibād*
6. *Tārīkh al-Hukamā'*
7. *Talkhīṣ al-Aqsām Li Madhāhib al-Anām*

## Kitab *Al-Milal Wa Al-Nihal*

Kitab al-Milal Wa al-Nihal adalah sebuah kitab yang bersifat ensiklopedia dan menghimpunkan pelbagai maklumat berkenaan agama-agama dan aliran-aliran falsafah. *Al-Milal* adalah kata jamak (*plural form*) kepada perkataan *al-Millah* yang bermaksud agama, kepercayaan atau anutan. *Al-Nihal* pula adalah kata jamak kepada perkataan *al-Nihlah* yang bermaksud mazhab Akidah atau aliran kepercayaan. Imam al-Shahrastani menyatakan dalam mukadimah kitab ini berkenaan tujuan penulisan *al-Milal Wa al-Nihal* seperti berikut: “maka penulis ingin mengumpulkan semua itu (maklumat tentang agama dan ideologi) dalam satu ringkasan yang mencakupi semua pegangan yang dianuti oleh penganut agama dan pendukung ideologi.”




Ringkasnya, Imam al-Shahrastani telah memasukkan maklumat mengenai beberapa agama dan aliran falsafah dalam kitab *al-Milal wa al-Nihal* ini. Pengetahuan mengenai agama-agama dan aliran falsafah ini dapat memperkayakan dan mencambah pengetahuan seseorang mengenai corak-corak kepercayaan dan bentuk-bentuk amalan ritual yang terdapat dalam masyarakat. Seperti yang pernah diungkapkan oleh Profesor Friedrich Max Muller (1823-1900) daripada Universiti Oxford, dalam menggalakkan kajian perbandingan agama dan kebudayaan-kebudayaan dunia: “*he who knows one, knows none.*” Dalam konteks *Thaqāfah Islamiyyah*, ilmu kajian agama adalah sebuah ilmu yang dapat memacu ke arah peningkatan pengetahuan mengenai pelbagai kepercayaan di dunia (*idrāk*), membantu dalam dakwah Islam (*da‘wah*), dan berguna untuk mempertahankan ajaran-ajaran Islam di hadapan penentang-penentangnya (*difā‘*).

Secara ringkas, kitab al-Milal wa al-Nihal ini mengandungi maklumat mengenai agama Islam, Yahudi, Kristian, Majusi, Sabiun, Arab Jahiliah, dan Hindu. Manakala aliran falsafah yang dimuatkan dalam kitab ini adalah merangkumi aliran dualisme, spiritualisme, falsafah Yunani, falsafah Islam, dan falsafah India. Antara kandungan utama kitab ini adalah:

1. Umat Islam: i) Mu‘tazilah, ii) Jabbariyyah, iii) Ṣifātiyyah, iv) Khawārij, v) Murjiah, vi) Syiah, dan vi) *Ahl al-Furū‘*
2. Ahli Kitab: i) Yahudi dan ii) Kristian
3. *Ahl Shubah al-Kitāb*: i) Majusi dan ii) *al-Thanawiyyah*

4. *Ahl al-Ahwā' Wa al-Nīḥāl*: i) Sabiun dan *al-Hunafā'*, ii) *Aṣḥāb al-Rūhāniyyāt*, iii) *Aṣḥāb al-Hayākīl wa al-Ashkhāṣ*, iv) *al-Harnaniyyah*
5. Ahli-ahli Falsafah: i) 7 ahli Falsafah, ii) *Hukamā' al-Uṣūl*, iii) Ahli Falsafah Yunani yang kemudian, iv) Ahli Falsafah Muslim yang kemudian
6. Arab Jahiliah: i) *Mu'aṭṭilah al-ᶜArab* and ii) *al-Muhaṣṣilah min al-ᶜArab*
7. Pandangan orang India: i) *Barāhimah*, ii) Ahli kerohanian India, iii) penyembah bintang, iv) penyembah berhala, dan v) ahli Falsafah India



Kitab ini telah mendapat banyak puji daripada ramai pembaca, terutamanya daripada para peneliti karya-karya Arab awal dan ilmu perbandingan agama. Sebagai contoh, Profesor Emeritus Eric J. Sharpe (1933-2000), seorang peneliti ilmu perbandingan agama daripada Universiti Sydney, Australia pernah memuji seperti berikut: “*The honour of writing the first history of religion in world literature seems in fact to belong to the Muslim Shahrastani (d. 1153 whose Religious Parties and Schools of Philosophy describes and systematises all the*


*religions of the then known world, as far as the boundaries of China This outstanding work far outstrips anything which Christians writers were capable of producing at the same period.*”

## Kesimpulan

Oleh itu, penghasilan kitab *Al-Milal Wa Al-Nihal* merupakan suatu pencapaian yang baik dan berharga dalam dunia ilmiah kerana berjaya membuktikan hasil usaha yang gigih oleh seorang tokoh ulama pada kurun keenam Hijrah atau kedua belas Masihi. Pengiktirafan ke atas kedudukan kitab *Al-Milal Wa Al-Nihal* ini hanya akan dapat dihayati oleh para pembaca kitab ini sekiranya ditekuni dengan cermat dan melalui perbandingan antara konteks kemajuan ilmu pada kurun keenam Hijrah dengan hari ini. Malah, antara bukti penerimaan ke atas kitab ini adalah melalui penterjemahan *Al-Milal Wa Al-Nihal* ke dalam pelbagai bahasa dunia seperti Bahasa Inggeris, Bahasa Perancis, dan Bahasa Melayu.

Menarik sekali, pada bahagian akhir kitab ini, Imam al-Shahrastani dengan penuh tawaduk dan rendah diri menyatakan secara objektif apa yang terkandung dalam kitabnya seperti berikut: “ini (apa yang aku persembahkan dalam kitab ku ini) adalah apa yang aku dapat daripada tulisan-tulisan ahli ilmu dan aku catatkan berdasarkan apa yang aku dapat dari mereka. Maka barang siapa yang menemui dalam kitab ini sebarang kesalahan dalam catatan, maka perbetulkanlah. Moga Allah <sup>c</sup>azza wa jalla memperelokkan -dengan kurniaNya- keadaan orang itu dan memelihara kata-kata dan perbuatannya. Dan hanya pada Allah lah kita bergantung dan Dialah sebaik-baik Penjaga.”

Kesemua pembaca artikel ini dijemput untuk mengikuti majlis bacaan kitab *Al-Milal Wa Al-Nihal* di laman *facebook Akidah and Global Outreach Centre (AGENT)* pada setiap hari Khamis jam 5 sehingga 5.30 petang bersama penulis. Moga Allah taala merahmati Imam al-Shahrastani, meluaskan ilmu dan merahmati kita semua menerusi penelitian ke atas kitabnya ini. Amin.



## رأي الباقياني في علاقة أسماء الله بصفاته:

. نجيب الشيخ عبد الصمد

جامعة العلوم الإسلامية الماليزية

### مقدمة البحث:

إن الحمد لله نحمنه ونستعينه ونستغفره ونستهديه وننعواز بالله من شرور أنفسنا ومن سيئات أعمالنا من يهدى الله فلا مصل له ومن يضل فلا هادي له وأشهد أن لا إله إلا الله وحده لا شريك له وأشهد أن محمداً عبده ورسوله وبارك عليه وعلى آله وصحبه ومن تبعه بإحسان إلى يوم الدين.

أما بعد

أبو بكر الباقياني. هو محمد بن الطيب بن محمد البصري ثم البغدادي القاضي المشهور بالباقياني. كان إماماً كبيراً  
القدر، غاية في النباهة والذكاء، حاضر الحجة، سريع البديهة.  
ناظر النصارى والروافض والمعتزلة والخوارج فأجلهم . وكان في ذلك آية .  
يُعدُّه عدد من أهل العلم بالمؤسس الثاني لمذهب الأشاعرة، وهو من متقدميهم.

يرى الباقياني أن الباري قديم بأسمائه وصفاته ولم يزل سميًا لنفسه بها، والاسم عند الباقياني هو كما عند أستاذه  
الأشعري، هو المسمى نفسه أو هو صفة متعلقة وهو غير التسمية<sup>1</sup>، واستدلّ على ذلك بأدلة كثيرة وهي نفس  
أدلة أستاذه الأشعري: مثل قوله تعالى " {مَا تَعْبُدُونَ مِنْ دُوْنِهِ إِلَّا أَسْمَاءٌ سَمَّيْتُمُوهَا أَنْتُمْ وَآباؤُكُمْ مَا أَنْزَلَ اللَّهُ  
إِلَّا مِنْ سُلْطَانٍ } إِنَّ الْحُكْمَ إِلَّا لِلَّهِ } أَمْرٌ إِلَّا تَعْبُدُوا إِلَّا إِيَّاهُ } ذَلِكَ الدِّينُ الْقَيْمُ وَلَكُنَّ أَكْثَرَ النَّاسِ  
لَا يَعْلَمُونَ }<sup>2</sup> فأخبر الله تعالى أنهم يعبدون أسماء وهم إنما عبدوا الأشخاص دون القول الذي هو التسمية،  
نما يدل على أن الاسم هو المسمى وأنه غير التسمية وأيضا يدل على أن الاسم هو المسمى قوله تعالى: { وَلَا  
تَأْكُلُوا مِمَّا لَمْ يُذْكَرِ اسْمُ اللَّهِ عَلَيْهِ وَإِنَّهُ لَفِسْقٌ } وَإِنَّ الشَّيَاطِينَ لَيُوْحُونَ إِلَيْهِمْ لِيُجَادِلُوكُمْ } وَإِنَّ

التمهيد للباقياني. انظر: ترجمة الباقياني الملحةة كتاب التمهيد، ص 242، سبكي طبقات الشافعية الكبرى، ص 205، مطبعة القاهرة، شذارت<sup>1</sup>  
الذهب، ص 208.

2. سورة يوسف. الآية 40

أَطْعُنُمُو هُمْ إِنَّكُمْ لَمُشْرِكُونَ }<sup>3</sup> وكذلك قوله تعالى: { سَبَّحَ اسْمَ رَبِّكَ الْأَعْلَى " أي سبح ربك الأعلى } وغير ذلك من الآيات.

وهكذا أثبت الباقلاي أن كثيرا من الأسماء هي نفس المسميات وأن الاسم هو المسمى وأنه غير التسمية، وكذلك يرد الباقلاي على من اعترض بأنه لو كان الاسم هو المسمى لكان من قال: "نار" احترق فاه ومن قال: "زيد" وجد زيدا في فيه لأن اسم النار واسم زيد في فيه، ذهب الباقلاي إلى القول الموجود في الفم باسم زيد واسم النار إنما هو تسمية ودلالة على الاسم.

ويقسم الباقلاي أسماء الله تعالى كما فعل أستاذه الأشعري إلى قسمين<sup>4</sup>، فقسم منها هو هو تعالى إذا كان اسمها عائدا إلى صفة ذات ككونه موجودا وقديما وشيئا وذاتا واحدا ومغايرا لما غيرها وخلافا لما خالفا وغير ذلك من الأسماء الراجعة إلى صفة ذاته تعالى والاسم الآخر هو لله سبحانه وتعالى وهو الصفة الحاصلة له وهو كذلك على قسمين: إما أن يكون صفة ذات أو صفة فعل<sup>5</sup>، فإن كان الاسم يرجع إلى ذات مثل: العلم والقدرة والحياة والإرادة وغيرها من صفات ذات فإذا كما يقول الباقلاي: أسماء له ولا يقال هي غيره وذلك لاستحالة مفارقتهم له على بعض وجوه المفارق الموجبة للغيرية. وتلك الأسماء تماماً كصفاته المعنوية، ولا يقال هي هو ولا هي غيره، وأما أسماؤه الراجعة إلى إثبات صفة من صفات فعله ككونه عادلاً ومحسناً ومحبباً ومحبباً فهو لأنها قد كان موجوداً متقدماً عليها ومع عدمها<sup>6</sup>، وفي ضوء ذلك يوضح الباقلاي،رأي أستاذه الأشعري بأن صفات الباري هي ذاته ولا هي غيره، لا يقال هي من الله ولا هي من غيره إذ الاسم هو المسمى فذات الباري مسمة بأسماء. عالم، قادر، بصير، سميع، إذ فلا تفرقة بين الاسم والمسمى وكذلك موصوفة بصفات العلم والقدرة وغيرها. فلا تكون ذات الباري العلم أو القدرة أو الحياة لأن تسميتها هي من قوله، وكلامه من صفات نفسه كسائر الصفات الذاتية، فوجب أن نقول إنها كلام له.

كذلك أنكر الباقلاي: أن تكون أسماء مشتركة بينه وبين خلقه لأن أسماءه هي نفس أو صفة تتعلق بنفسه ونفس الباري وصفات نفسه لا يجوز أن تكون مشتركة بينه وبين خلقه إلا أن التسمية التي تجري عليه تعالى والتي يدل بها على اسمه يجوز أن يجري بعضها على خلقه ليدل بها على أن للخلق أسماء هي هم أوصاف تعلقت بهم مثل عالم، قادر، سميع، بصير، متكلم، مرشد، خالق، رازق. ومنها تسميات لا يجوز أن تجري إلا على الله سبحانه وتعالى مثل قولنا: "الله، الرحمن، الإله، الخالق، المبدع" ونحو ذلك مما لا يجوز إجراؤه على الخلقه.

3. سورة الأنعام. الآية 121

الباقلاي، التمهيد، ص 227<sup>4</sup>.

الباقلاي، التمهيد، ص 229<sup>5</sup>.

المصدر السابق، الصفحة نفسها<sup>6</sup>.

ويؤكد الباقلاني أن أسماء وصفات الخلق لا يجوز ان تشتراك في المعنى مع صفات الله تعالى وأسمائه الحسنى، إذن الله تعالى وخلقه ليسا بمتلدين واشتراك الشيئين في الاسمين المشتقين من معندين لا يوجد تشابه ما اشتقا منه ولذلك لم يجب اشتباه صفات القديم سبحانه وتعالى وصفات المخلوقين وإن كانت توجب الاشتلاق على وجه واحد<sup>7</sup> ، والله منزه عن أن يشبه شيء من أسمائه وصفاته الحسنى شيئاً من أسماء وصفات خلقه.

ودليل ذلك قوله تعالى:

{لَيْسَ كَمِثْلِهِ شَيْءٌ وَهُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ} <sup>8</sup>

وكذلك قوله تعالى: {فَلَا تَضْرِبُوا لِلَّهِ الْأَمْتَالَ إِنَّ اللَّهَ يَعْلَمُ وَأَنَّكُمْ لَا تَعْلَمُونَ} <sup>9</sup>

<sup>7</sup>. المصدر السابق، ص 236.

سورة الشورى. الآية 11<sup>8</sup>

سورة النحل. الآية 74<sup>9</sup>

## Said Hawwa and the Importance of Spiritual Development

***Dr. Marina Munira Abdul Mutalib (USIM)***

***Dr Asadur Rahman (IIUM)***

### **A Short Biography of Said Hawwa**

Sa'id Hawwa (1935-1989) was a prominent ideologue and a leading scholar in the Muslim Brotherhood of Syria who had authored many books. Most of his books dealt with the organizational principles and structures for Islamic organizations, including the spiritual and practical training, particularly for the members of the Muslim Brotherhood and the Muslim masses in general. The followings are some of the excerpts from one of the chapters (13<sup>th</sup> Chapter) of his magnum opus on spirituality, titled "*Tarbiyyātuna al-Rūhiyya*" or "Our Spiritual Development".



### **Getting Connected with Allah SWT**

Sa'id Hawwā had constantly encouraged the Muslims to know Allah and to communicate with Him in many meaningful ways. In the context of reaching out to Allah SWT, he quotes Ibn 'Atā that the attainment of Allah SWT and communicating with Him barely mean to acquire the knowledge about Allah SWT. He also confirms three remarkable signs along the process of knowing Allah SWT. According to Sa'id Hawwā it is to know Allah SWT in such a way that (1) the intellect gives its consent, (2) the heart accepts Him (3) and the soul affirms. However, one must be constantly cautious that nothing can be assumed or imagined about His form, His essence, or similarity, contact, involvement, position and any association. At the same time, it is gaining such a feeling in which man perceives the closeness of Allah SWT to him and his closeness to Allah SWT.

Allah says:

(O Prophet!) When My servants ask you about Me, (you tell them) I am so close to them that when someone calls me, I respond to his call. (Surah al-Baqarah, 2: 186)

So, when a Muslim has come to know Allah SWT satisfactorily, it is as if he or she has found both the mental devotion and “spiritual taste” together. This is the quality moment that one has reached to Allah SWT. Without following this path, there is no alternative way to complete this mission. When this approach is fully realized, many of its outcomes will be visible. This is because every beneficial thing lies with this knowledge of Allah SWT as mentioned in the Qur'an.


Allah SWT says:

Have you not seen how Allah SWT has given the example of *Kalimah Tayyiba*? It is like a sacred tree whose roots are firmly planted (on the ground) and whose branches extend to the sky. It bears fruit at every moment under the guidance of its Lord. Allah gives such examples so that people may take heed. (Surah Ibrahim, 14: 24-25)

In short, the result of gaining true knowledge of Allah SWT is so great that it can never be calculated. One of the consequences of such knowledge is that it strengthens the position of slavery towards Allah SWT; which is the highest meaning of one's obedience. In fact, this idea of slavery signifies the acceptance of His obedience in both internal and external ways.

### The Knowledge of Allah SWT

Reaching to Allah SWT i.e. gaining His knowledge, means gaining the knowledge of His existence and all His attributes; whether it is *Jalālī* (venerable) or *Jamālī* (aesthetic). In this way, to acquire knowledge of His existential qualities such as His knowledge, might, will, survival, hearing, seeing, and speaking, and negative qualities that are not compatible with His being. It consists both of knowing all His names and all His deeds. Along with all this, it is a matter of accepting by the heart and feeling them in terms of taste. And it is a matter of more than the knowledge of common sense. Though, rational knowledge is initial to the *ma'rifatullah* or the knowledge about Allah SWT.



Sa‘īd Ḥawwā also opines that one of the things that need to be included in the knowledge of Allah SWT is to know the meanings of *Mutashābihāt* or ambiguous verses. It is also to apply and comprehend these verses in the right way. He also argues that the *Sālikīn* or the seekers of Allah's pleasure who indulge in these verses with great pleasure. However, Sa‘īd Ḥawwā also warns the believers that in this essential stage there is a lot of obliquity where most people go astray and get misguided. The words of many are again taken to mean the opposite of what they wanted to mean. In such situations, only those for whom Allah SWT opens the door of correct understanding, in accordance with *‘ilm* or knowledge, can comprehend what is right and what is wrong and ultimately identify where the error is.

Having been blessed with this capacity, one can differentiate between what is correct and what is not, but unfortunately, we see many ones who favour things that have no basis, such as *bid‘ah*, *kufr*, or deviant. In such cases, only those who have been blessed by Allah SWT can apply the issues in their proper places. Thus, Sa‘īd Ḥawwā acclaims those who can grasp the appropriate knowledge of Allah SWT are those who have been enlightened by the guidance of Allah SWT as they talk only about truth and wisdom.

Allah says:

Glorified be Allah from all that they ascribe (unto Him). But the chosen servants of Allah (are safe from all this), (Surah Al-Saffat, 37: 159-160)

As a conclusion, Sa‘īd Ḥawwā elaborates the importance of the spiritual element to one's self. He emphasizes on the spiritual meanings of *rūh* (soul), *qalb* (heart), *nafs* (self) and *‘aql* (mind) in his *Tarbiyatunā al-Rūhiyyah*. Each part has been specified for the manifestation of Allah i.e *ubudiyat* (His bondage). The purity of one's heart is determined by the proportion of one's external and internal enlightenment. As explicitly states in the Qur'an that Allah SWT has created Adam (p.b.u.h) in His own image (*Surat*) and His attributes. Therefore, the signs of purity of heart will be proved in the proportion of a person carrying out his *‘ubūdiyyat* and implementing His name and attributes in himself without any opposition to the sole dignity of Allah SWT.

Wallahu a'lam.

## بين الإسلام والسلام

**Prof. Madya Dr. Mohamed Mihlar Abdul Muthaliff**

Pengajian Akidah dan Agama,  
Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan,  
Universiti Sains Islam Malaysia

إن العلاقة بين الإسلام والسلام قوية. والكلمات مثل السلام والمسالمة والسلم والإسلام مترادفة المعنى. ولفظ (الإسلام) مأخوذ من مادة السلم والسلام، لأن السلام والإسلام يلتقيان في توفير الطمأنينة والأمن والسكينة. والسلام إسم من أسماء الله الحسنى. وقد ذكر في سورة الحشر: "هو الله الذي لا إله إلا هو الملك القديوس السلام المؤمن المهيمن العزيز الجبار المتكبر سبحانه الله عما يشرون" (سورة الحشر، الآية: 23). وذلك لأن الله تعالى مصدر السلامة والسلام والأمن.

والله سبحانه وتعالى يأمر عباده المؤمنين بالدخول في السلام كافة، فيقول الله تعالى: "يا أيها الذين آمنوا ادخلوا في السلم كافة" (سورة البقرة، الآية: 208)، ويأمر القرآن الكريم بالاستجابة إلى دعوة الإسلام والأمان، فيقول جل جلاله: "وإن جنحوا للسلم فاجنح لها وتوكل على الله إنه هو السميع العليم" (سورة الأنفال، الآية: 61) إن مالوا إلى السلام، وأرادوا المسالمة والمصالحة، فمل إلى السلام، وأقبل منهم ذلك، وتوكل على الله فإنه كافيك وحده، كما يدعو القرآن الكريم أهل الكتاب أن يجتمعوا مع المسلمين في التوحيد والمساواة وعدم الإعراض عن نداء الحق، يقول سبحانه: "قل يا أهل الكتاب تعالوا إلى كلمة سواء بيننا وبينكم ألا نعبد إلا الله ولا نشرك به شيئاً ولا يتخذ بعضنا بعضاً أرباباً من دون الله فإن تولوا فقولوا اشهدوا بأننا مسلمون" (سورة آل عمران، الآية: 63)؛ أي يا أهل الكتاب من اليهود والنصارى، تعالوا إلى كلمة مفيدة عادلة نستوي نحن وأنتم فيها: لا نعبد إلا الله وحده، ولا نعبد وثنا ولا صننا ولا طاغوتاً، ولا أي شيء سوى الله الواحد، نفرده بالعبادة لا شريك له، ولا يطيع بعضنا بعضًا في عصيان الله، فإن أعرضوا عن هذا الإنصاف وتولوا، فأشهدوهم أنتم على استمراركم في الإسلام، والإسلام مشتق من السلام والمسالمة، والمعنى أسلموا أنفسكم ونفوسكم لله في الخضوع والانقياد.

والإسلام يعلم أتباعه الإعراض عن الباطل في القول والعمل، وأن يقابلو المبطلين واللاغيين والجاهلين في أعمالهم وسلوكياتهم بالسلام ودعوة السلام. يقول سبحانه: "إِذَا سمعوا اللغو أعرضوا عنه و قالوا لَنَا أَعْمَالُنَا وَلَكُمْ أَعْمَالُكُمْ سَلَامٌ عَلَيْكُمْ لَا نَبْغِي الْجَاهِلِينَ" (سورة القصص، الآية: 55).

وكتاب الله تعالى يقرر لنا أن السلام موقوف على الاتجاه إلى الله، والاستمداد من هداه، فيقول الله تعالى: "والسلام على من اتبع الهدى" (سورة طه، الآية: 47). وعندما كتب رسول الله عليه الصلاة والسلام إلى هرقل ملك الروم كتاباً كان أوله: "بسم الله الرحمن الرحيم، من محمد رسول الله إلى هرقل عظيم الروم، أما بعد فإني أدعوك بدعابة الإسلام، فاسلم تسلم" يؤتكم الله أجراً مرتين.

وقد عنى الإسلام عناء شديدة بأمر السلام، فجعل السلام تحية يلقاها المسلم على من عرف ومن لم يعرف، ومن تعبيرات السنة الرائعة أنها تدعو المسلم إلى "بذل السلام للعالم".

وفي السنة أن المصلحي يقول بعد السلام داعياً: "اللهم أنت السلام، ومنك السلام، وإليك يعود السلام، فحيينا ربنا بالسلام". وإذا كان الإسلام قد حث المسلم على إلقاء السلام. وجعل هذا الإلقاء سنة، فقد جعل رد السلام من ألقى إليه أمراً مفروضاً. ومن العجيب أن كلمة الإسلام، وهي أساس العقيدة مشتقة من مادة السلام، وذكر الله تعالى إلقاء السلام على المسلمين، فقال سبحانه: "سلام على المسلمين" (سورة الصافات، الآية: 181).

إن في تعاليم الإسلام وعقائده تدريباً عملياً لكل مسلم على أن يتعامل بالانسانية والسلام مع كل الناس من المسلمين وغير المسلمين. ومن المبادئ التي دعا إليها الإسلام السلام، والسلام حقيقة عبارة عن نوع من العبادات يتقرب بها العباد إلى الله تعالى، إذن الإسلام بمعناه العام يعني السلام.

## **AKTIVITI LAWATAN DAN DIALOG ANTARA AGAMA: MENJAWAB SALAH FAHAM DAN PRASANGKA**

***Dr. Mohd Rosmizi Bin Abd Rahman***

Ketua Program, Program Pengajian Akidah dan Agama  
Pengarah, Akidah and Global Outreach Centre (Pusat Akidah dan Jaringan Global)  
Pengarah, Jawatankuasa Pengurusan Isu Akidah

Ziarah menziarahi, lawatan, dan berdialog atau berkomunikasi adalah antara aktiviti kebiasaan kita yang merupakan makhluk yang bersosial. Malah dalam agama Islam, aktiviti ini amat dituntut terutamanya dikalangan ahli keluarga dan sanak saudara dan Islam telah menggariskan adab, hikmah dan peraturannya. Jadi, aktiviti ziarah, lawatan dan dialog ini tidak mempunyai isu yang ketara sekiranya ia berlaku dikalangan keluarga atau penganut agama yang sama seperti sesama masyarakat Muslim. Isu mula timbul apabila aktiviti ini berlaku diantara penganut agama berbeza, iaitu rentas agama dan budaya. Walaupun sudah ramai yang mula memahami kepentingan aktiviti lawatan dan dialogi antara agama, namun, secara praktisnya, ia masih belum membumi, iaitu ia masih tidak dipraktiskan di peringkat masyarakat, malah masih terdapat sebahagian masyarakat yang mencurigai atau salah faham terhadap aktiviti ini.

Salah faham dan prasangka terhadap aktiviti lawatan dan dialog antara agama boleh dilihat dalam aspek berlainan. Antara contohnya ialah salah faham individu terhadap aktiviti lawatan mahasiswa Muslim ke kuil-kuil bukan Muslim. Pernah tular di media sosial salah faham tentang aktiviti sekumpulan mahasiswa/wi Muslim dari universiti tempatan yang telah melawat komuniti penganut agama Hindu di kuil Hindu. Antara tuduhan melulu yang telah disebarluaskan (yang hanya berdasarkan interpretasi dari beberapa keping gambar yang tersebar) ialah: bahawa kononnya mahasiswa/wi tersebut telah menyertai upacara keagaaman agama Hindu; bahawa aktiviti tersebut tidak wajar dan merosakkan akidah; bahawa aktiviti tersebut adalah dakyah pluralisme dan lain-lain. Ayat-ayat al-Quran berkenaan kafir, kufur, syirik, neraka dan lain-lain telah dipergunakan untuk menyokong interpretasi melulu tersebut. Bukan setakat itu saja, aktiviti lawatan mahasiswa/wi ke kuil tersebut juga dituduh merbahaya dan mereka diarahkan bertaubat.

Penulis selaku pensyarah Perbandingan Agama yang sememangnya telah lama menyertai dan merangka program antara Agama turut ditanya oleh kawan-kawan sekerja mengenai penularan isu tersebut. Sekilas pandang kepada gambar-gambar yang ditularkan, penulis terus dapat mengagak bahawa ini adalah salah faham terhadap lawatan akademik/ilmiah atau dialog ilmiah yang sudah biasa dijalankan oleh mahasiswa/wi yang mengambil subjek-subjek

tentang Ilmu Perbandingan Agama, Sosiologi/Antropologi Agama, Sosiologi/Antropologi Dakwah atau apa-apa subjek yang berkaitan dengan agama lain atau masyarakat berbilang kaum. Antara universiti yang mengajar subjek-subjek ini dan mahasiswa/si yang telah terbiasa dengan program antara agama ialah Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Islam Antarabangsa (UIA) dan Universiti Malaya (UM). Sebagai contoh, USIM menawarkan Program Pengajian Akidah dan Agama di bawah Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP). Melalui program ini, mahasiswa/wi berpeluang mempelajari empat bidang utama iaitu Akidah, Tasawwuf, Perbandingan Agama dan Falsafah. Menerusi bidang Perbandingan Agama, mahasiswa/wi akan mempelajari subjek-subjek berkaitan pelbagai agama seperti agama Islam, Kristian, Yahudi, Buddha, Hindu, Tao, Konfusius, agama moden dan sebagainya. Mereka juga didedahkan dengan pelbagai metod kajian agama, Perbandingan Agama dalam sejarah Islam, program lawatan dan dialog ilmiah antara agama, cara mencapai keharmonian dan keamanan antara agama, pengukuhan toleransi dan cara hidup bersama antara agama dan lain-lain lagi. Progam dan aktiviti sebegini merupakan tambahan yang bermanfaat kepada pembelajaran formal di dalam bilik kuliah.

Alhamdulillah, tidak lama selepas tularnya isu tersebut, kemudiannya pihak Universiti mahasiswa/wi berkenaan telah tampil membuat penjelasan sebenar dan menafikan fitnah serta salah faham yang telah disebarluaskan sebelum ini. Pihak universiti telah memberi penerangan dengan jelas. Antaranya ialah seperti yang tercatat di blog Islamik Media:

“Program / aktiviti ini adalah kajian lapangan @ penyelidikan pelajar bagi kursus Agama dan Masyarakat (CDA20803), ISM Sains Sosial (Antropologi dan Dakwah) dengan Kepujian. Setiap pelajar yang mengikuti kursus ini ditugaskan dan diminta untuk membuat kajian lapangan @ penyelidikan mengenai praktis agama dan juga kepercayaan masyarakat.”

Ini menepati rasa gerak hati penulis sewaktu mula-mula mendapat berita kritikan aktiviti tersebut. Iaitu ia sebenarnya adalah aktiviti akademik sebagai pelengkap kepada subjek-subjek berkaitan dan bukanlah mereka menyertai upacara keagamaan seperti tuduhan tersebut. Antara penerangan lain:

“Satu kumpulan mahasiswa seramai 13 orang telah memilih sebuah kuil di Kuala Terengganu untuk menjalankan kajian lapangan / penyelidikan bagi memahami praktis agama Hindu. Aktiviti ini telah mendapat persetujuan pihak kuil dan makanan yang dihidangkan telah disediakan oleh pihak katering Muslim. Mereka hanya terlibat sebagai penyelidik/pemerhati sahaja dalam aktiviti temubual bersama responden. Mereka tidak terlibat langsung dalam mana-mana ritual agama Hindu yang dilakukan di kuil tersebut.”

Keterangan ini sudah cukup jelas untuk menjernihkan salah faham atau kekeliruan sesetengah pihak. Ia juga terus menghakis fitnah yang cuba ditaburkan oleh golongan yang tidak betanggungjawab. Jelas lagi nyata bahawa aktiviti lawatan ke kuil tersebut hanyalah antara aktiviti akademik/ilmiah dan penyelidikan mahasiswa/wi universiti berkenaan. Sebenarnya, inilah adalah antara kelebihan menuntut ilmu di menara gading dimana mahasiswa/wi bukan sahaja di ajar di dalam dewan kuliah berhawa dingin, malah mereka turut dikehendaki “turun padang”, melihat dan mengambil pengalaman secara “live” tentang ilmu yang mereka pelajari.

Penulis dan rakan-rakan penyelidik juga telah beberapa kali mengunjungi pusat, gereja atau kuil penganut bukan Islam bagi mendapatkan data, informasi tepat tentang tajuk kajian. Bukan setakat itu saja, aktiviti dialog antara agama telah biasa diadakan di institusi pengajian tinggi di mana wakil-wakil penganut agama lain diundang berkongsi ilmu dan pengalaman tentang subjek yang dibincangkan. Kesemua ini akan memupuk sikap toleransi, mahabbah, saling menghormati antar penganut agama dan seterusnya dapat mengekalkan keharmonian dan keamanan antara agama.

Sebenarnya, aktiviti antara agama ini telah lama berlaku semenjak di zaman Nabi Muhammad s.a.w. dan para sahabat dan para tabi'in dan ulama awal lagi. Nabi Muhammad dan para Sahabat telah menunjukkan sikap toleransi antara agama yang begitu tinggi seperti kisah toleransi Nabi Muhammad s.a.w terhadap delegasi Kristian Najran. Sejarah yang tulen telah membuktikan bahawa begitu ramai ulama-ulama Islam telah berkicampung dalam aktiviti antara agama samaada melalui pelbagai penulisan, lawatan dan dialog, toleransi dan sebagainya sehingga telah berjaya melahirkan khazanah Ilmu Perbandingan Agama di dunia hatta diiktiraf oleh sarjana Barat. Antara ulama' awal yang telah berkicampung dalam Ilmu Perbandingan Agama samaada dengan agama Kristian, Hindu, Yahudi dan sebagainya ialah seperti Abu al-Hudayl al-'Allaf (226/840), Abu 'Amr Hafs al-Fard (132/749), Abu 'ali al-Juba'I (179/795), Dirar ibn 'Amr (184/800), Ya'kub ibn Ishaq al-Kindi (260/873, Ahmad ibn al-Tayyib al-Sarakhsyi (287/900), al-Qasim ibn Ibrahim al-Hassan (200/815-211/826), Bishr ibn al-Mu'tamir (210/825), Khalifah Muhammad al-Mahdi (164/781), Hisham ibn al-Hakam (d. 179/796), Ali ibn Musa al-Rida (203/815), Ibn Hazm (560/1064), Abu Bakr al-Baqillani (d. 404/1013). Turut dinukilkan ada antara ulama besar Muslim yang sanggup menjadi penyapu di kuil Hindu semata-mata ingin menuntut ilmu tentang agama Hindu dari pendeta Hindu. Ini adalah antara keikhlasan, keterbukaan dan sikap objektif ulama awal dalam memastikan mereka mendapat ilmu dari sumber utama dan secara terus dari sumber atau orang yang diiktiraf oleh agama tersebut.

Bukan setakat itu sahaja, sarjana Ilmu Perbandingan Agama dunia telah mengiktiraf Islam sebagai sumber sebenar Ilmu Perbandingan Agama. Franz Rosenthal (1914 – 2003), seorang Profesor Emiritus yang disegani di Barat telah menyatakan “the comparative study of religions has been rightly acclaimed as one of the great contributions of Muslim civilization to mankind’s intellectual progress” yang membawa maksud bahawa Ilmu Perbandingan Agama adalah suatu sumbangan besar Peradaban Islam kepada perkembangan intelektual Manusia. Malah, Orientalis Stanton turut mengakui “No scripture in the world teaches such a comparative religion’ as the Qur'an” yang membawa maksud tiada kitab suci di dunia ini yang mengajarkan tentang Ilmu Perbandingan Agama sebegitu lengkap seperti kitab al-Qur'an. Pengakuan dan pengiktirafan ini tidak dapat disangkal lagi. Al-Quran sememangnya banyak menyentuh tentang orang-orang bukan Islam dan kepercayaan lain. Sebagai contoh, al-Quran menyentuh tentang Ahlul Kitab (lihat al-Quran 2:105,109; 3: 64-65; 5:15, 59, 65, 68, 77); tentang Sabian (2:62; 5:69; 22:17); tentang nabi-nabi diutuskan kepada semua manusia sepangjang zaman (10:47, 16:36); tentang dakwah para nabi ini kepada umat mereka (5:59-93, 23:52-54, 6:48) dan sebagainya.

Al-Quran juga telah menjelaskan bahawa Allah telah menciptakan manusia dalam berbagai bangsa dan suku puak supaya kita semua dapat saling berkenal-kenalan dan ini menunjukkan bahawa perbezaan kita bukannya untuk saling mencurigai dan bermusuhan-musuhan tetapi untuk berkenal-kenalan dan hidup bersama secara aman. Firman Allah SWT di dalam surah al-Hujurat (49) ayat 13 yang bermaksud:

*“Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan suku puak, supaya kamu saling berkenalan. Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang paling takwa di antaramu. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam Pengetahuan-Nya.”*

Salah satu wadah untuk merealisasikan tujuan murni ini antara pelbagai penganut agama ialah melalui ziarah atau lawatan dan dialog antara agama, iaitu komunikasi harmoni dua hala antara penganut berlainan agama. Terdapat banyak keperluan, kepentingan, dan faedah dialog agama yang bakal dikecapi oleh semua pihak termasuklah umat Islam, terutamanya didalam konteks negara berbilang agama seperti Negara kita Malaysia serta dipersada dunia yang penuh mencabar dengan pelbagai serangan ideologi dan salah faham terhadap Islam dan Muslim.

Aktiviti ziarah dan dialog antara agama sudah tidak asing lagi dalam negara kita ini. Bahkan sebenarnya dialog antara agama ini sememangnya tidak asing dalam sejarah Islam.

Sebagai contoh, al-Quran mencetuskan idea pemikiran berdialog dengan menyebut di dalam surah an-Naml, (27):64:

*Atau siapakah yang memulakan kejadian sekalian makhluk, kemudian dia mengembalikannya (hidup semula sesudah matinya). dan siapakah yang memberi rezeki kepada kamu dari langit dan bumi? Adakah sebarang tuhan yang lain bersama-sama Allah? Katakanlah (wahai Muhammad): "Bawalah kemari keterangan-keterangan kamu, jika betul kamu orang-orang yang benar".*

Malah, kisah penciptaan Manusia juga diabadikan dalam bentuk dialog di dalam al-Quran iaitu dialog antara Allah, Malaikat dan Nabi Adam...malah terdapat juga dialog antara Allah dan Iblis sebagaimana yang diabadikan dalam surah al-Baqarah, (2):30-38, surah al-A'raf, (7):11-25 dan lain-lain tempat.

Hakikatnya, secara keseluruhan wahyu selaku *kalam* Allah adalah sebahagian daripada dialog ketuhanan kepada manusia. Ungkapan-ungkapan al-Quran seperti dalam bentuk *amr* (perintah) dengan ungkapan *qul* (katakanlah), atau dalam bentuk seruan: *ya ayyuha ladhina amanu* (wahai orang-orang yang beriman), *ya ayyuha nas* (wahai manusia), *ya ayyuha nabiyy* (wahai Nabi) dan lain-lain ungkapan adalah sebahagian dari bentuk dialog.

Begitu juga keseluruhan wahyu itu apabila Nabi saw membacakannya dan didengari oleh para sahabat waktu itu, tidak terkeluar dari konsep umum dialog kerana Nabi saw berbicara kepada para sahabat. Hakikatnya, boleh disimpulkan bahawa kitab suci al-Quran adalah bacaan dialog daripada Allah kepada manusia. Justeru, apabila kita membaca al-Quran, sepatutnya kita memahami dan merasakan bahawa wahyu Allah itu sedang bercakap kepada kita dan memerintah atau menyuruh kita melaksanakan apa yang dibaca.

Al-Quran bukan sekadar berdialog dengan manusia untuk mengajak kita beriman kepada Allah, bahkan al-Quran juga berdialog tentang alam semesta dan persoalan-persoalan ghaib. Sifat dialog al-Quran ini merupakan antara keunikan al-Quran yang tidak terdapat dalam mana-mana kitab suci lain.

Terdapat pelbagai tujuan, kepentingan dan faedah dalam mengadakan lawatan dan dialog antara agama. Antaranya ialah:

Lawatan dan dialog antara umat beragama dapat menghilangkan rasa saling curiga mencurigai yang selama ini menyelubungi perasaan penganut pelbagai agama. Ini kerana menerusi lawatan dan dialog yang harmoni, masing-masing penganut dapat mengenal dan mengetahui serta memahami selok-belok pegangan dan anutan masing-masing.

Justeru jurang perbezaan fahaman agama yang selama ini merenggangkan antara penganut berlainan agama dapat dirapatkan. Ini akan merintis jalan ke arah bekerjasama dan bertolak ansur. Keadaan harmoni ini akan membantu kita ke arah membina tamadun manusia yang lebih utuh, tanpa kebencian dan peperangan.

Lawatan dan dialog antara agama yang harmoni juga akan dapat memupuk rasa saling menghoramati dan seterusnya mengakhiri dendam kesumat dan permusuhan antara penganut agama yang berlainan. Seterusnya, persatuan dan silatur rahim akan dapat diwujudkan bersama.

Lawatan dan dialog antara agama juga memberi peluang kepada agama yang sering dieksplorasi seperti agama Islam untuk menjelaskan hakikat sebenar kepalsuan tuduhan tersebut dan untuk berkongsi hakikat kecantikan dan keindahan Islam yang sejati kepada penganut agama lain serta kepada seluruh dunia.

Selain itu, lawatan dan dialog antara agama juga merupakan antara wadah terbaik untuk berdakwah dan membimbang manusia ke jalan yang benar dan cara hidup yang lebih baik. Ia juga menjunjung konsep rahmatan lil ‘alamin.

Sebagai kesimpulan, kita perlu berhati-hati dalam membuat hukuman dan dakwaan apatah lagi sekiranya isu itu diluar bidang kita. Kepada masyarakat awam pula, janganlah mudah terpengaruh dengan berita yang ditularkan. Seeloknya kita mengkaji atau bertanya terlebih dahulu. Itulah juga ajaran Islam yang menghendaki kita bertanya kepada orang yang berilmu dan memeriksa dahulu kesahihan sesuatu berita yang disampaikan. Dalam masa yang sama, marilah kita sama-sama menghormati struktur kurikulum dan program atau aktiviti universiti yang mungkin berbeza dengan struktur kurikulum di sekolah atau sedikit berbeza dengan amalan dan fahaman biasa masyarakat awam. Suasana di kampung pendalaman dan di universiti adalah berbeza. Di peringkat Universiti, mahasiswa akan dilatih bukan sahaja di dalam bilik kuliah atau tutorial, tetapi mereka turut dilatih di dalam pelbagai industri dan organisasi dalam dan luar negara, masyarakat dan komuniti berbilang kaum dan agama, ke luar *turun padang* atau masuk ke hutan, menggunakan teknologi lama, moden dan terkini dan bermacam-macam lagi. Itu semua, antara lain, bagi melahirkan mahasiswa/wi yang seimbang, berdaya saing, berilmu dan berpengalaman, berkepimpinan dan terkehadapan.

## ALLAH WUJUD TIDAK BERTEMPAT: AKIDAH UMAT ISLAM ATAU SLOGAN SEMATA-MATA?

***Muhammad Fadhlul Amin bin Muhamad Ibrahim***

Pengajian Akidah dan Agama,  
Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan,  
Universiti Sains Islam Malaysia

Tatkala masih ada yang jahil dalam ilmu agama, masih juga sesetengah kelompok yang masih membahaskan aliran atau manhaj yang tidak berkesudahan. Persoalan, sampai bila ia akan selesai atau dibiarkan begitu sahaja ibarat tergantung tak bertali? Perkara utama yang perlu diambil berat ialah ilmu fardhu ain yang terdiri daripada ilmu akidah, fiqh dan tasawwuf. Jangan lupa pula ilmu tajwid perlu dipelajari.

Menurut Dr. Sheikh Omar Kalash, penasihat pondok Baitussaadah, seafdhul-afdhul ilmu ialah ilmu akidah. Kenapa akidah? Hal ini kerana ilmu akidah merupakan tunjang iman seseorang untuk mengabdikan diri kepada Allah. Jika rosak akidah, rosak segala amal ibadat kerana seseorang itu teguh imannya dengan hanya mendalami ilmu akidah. Menurut Imam Ghazali, tidak sah ibadat seseorang tanpa mengenal Allah. Nah, betapa pentingnya ilmu akidah dalam kehidupan seharian.

Dalam membicarakan kepentingan ilmu fardhu ain, menjadi persoalan pula tentang ketuhanan atau *ilahiyyat*. Ada yang mendakwa Allah berada di langit, ada pula berkata Allah ada di mana-mana malah ada juga yang berkata Allah itu meresap dalam diri. Kesemua dakwaan ini salah bahkan merosakkan akidah kerana menyamakan Allah dengan makhluk. Firman Allah dalam Surah ash-Shura ayat 11:

أَيُّسَنْ كَمِثْلِهِ شَيْءٌ

Maksud: Tidak ada sesuatupun yang serupa dengan Dia

Oleh itu, cukup mengatakan bahawa Allah wujud tidak bertempat. Allah merupakan pencipta sesuatu dan tidak berhajat kepada ciptaan-Nya. Maka, segala kekeliruan tentang Allah terjawab dengan mudah.

Perkara lain yang dibincangkan ialah slogan ‘Allah wujud tidak bertempat’ merujuk kepada jemaah Sheikh Abdullah al-Harari sahaja atau ada agenda lain yang ingin menjatuhkan kelompok tertentu yang membenci Sheikh Abdullah al-Harari? Pertama, ‘Allah wujud tidak

bertempat' ialah akidah sebenar umat Islam dan tidak terhenti kepada jemaah Sheikh Abdullah al-Harari sahaja. Kedua, slogan tersebut bukan tujuan untuk melawan mana-mana pihak tetapi ia adalah satu didikan akidah umat Islam bahawa Allah tidak sama dengan makhluk.

Kesimpulannya, kejahilan seseorang dapat dirawat menuntut ilmu fardhu ain secara bertalaqqi dan bersanad. Pastikan ilmu yang diambil daripada guru yang benar dan sentiasa berdamping dengan ustaz atau ustazah. Selain itu, 'Allah wujud tidak bertempat' adalah akidah umat Islam yang menyucikan Allah daripada sifat-sifat makhluk. Hal ini wajib umat Islam mempelajari ilmu akidah dan mengulanginya agar selamat di dunia dan akhirat.



## Peranan Ilmu Perbandingan Agama Dalam Pembangunan Dakwah Di Malaysia

**Akhukum fillah Mohammad 'Izzuddin Mohamad Ares**

Pengajian Akidah dan Agama,  
Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan,  
Universiti Sains Islam Malaysia

Perbandingan Agama sering dilihat sebagai frasa menggerunkan bagi sesetengah pihak yang tidak menghayati aplikasi dan peranannya. Perlukah untuk mengetahui agama-agama lain? Tidak goyahkah iman jika belajar tentang perbandingan agama? Soalan sebegini seringkali dilontarkan bagi menzahirkan kerisauan dalam hati seorang Muslim. Namun begitu, sudikan menelusuri penulisan ini sehingga akhir dan nilailah sendiri kepentingan ilmu Perbandingan Agama.

Ilmu Perbandingan Agama atau *Muqaranah al-adyan* juga diistilahkan dalam Bahasa Inggerisnya *Comparative Religions*, merupakan salah satu cabang ilmu dalam Islam. Umumnya, menurut Wan Mohd Fazrul Azdi W. Razali (2017), pensyarah di Universiti Sains Islam Malaysia, ilmu ini ialah perbandingan antara dua atau beberapa agama yang membincangkan tentang sejarah, kepercayaan, amalan, akhlak dan lain-lain lagi. Kaedah atau metod perbandingan agama ini telah wujud sejak zaman para nabi terdahulu lagi dan disiplin ilmu ini diteruskan sehingga sekarang.

- **Mencontohi Metod Dakwah Para Nabi**

Tahukah anda bahawa kaedah ilmu sedemikianlah yang telah dilaksanakan oleh Nabi Ibrahim A.S. ketika berlaku sesi dialog dengan kaumnya yang menyembah berhala sepertimana dalam Surah Al-Anbiya' ayat ke 51 hingga 71? Secara ringkasnya, Nabi Ibrahim AS tidak

memecahkan kesemua berhala tersebut dengan tujuan untuk berhadapan dengan kaumnya. Nabi Ibrahim AS sengaja meninggalkan berhala yang paling besar dan ulama' tafsir menyebutkan bahawa baginda juga sengaja meletakkan kapak di tangan serta di leher berhala yang paling besar. Apabila ditanyakan kepadanya mengenai perkara ini, Nabi Ibrahim menyuruh mereka bertanyakan kepada berhala besar tersebut jika ia dapat berkata-kata.

Begitu juga metod *Mubahalah* yang digunakan oleh Nabi Muhammad S.A.W terhadap sekumpulan wakil Kristian dari Najran berdasarkan *asbab nuzul* (sebab turun) ayat al-Quran Surah 'Ali Imran ayat 61. Hal ini menunjukkan bahawa kaedah ilmu tersebut merupakan antara metod dakwah yang digunakan oleh para Nabi. Teknik perbandingan agama ini boleh diaplikasikan oleh Muslim khususnya pendakwah dalam penyampaian mesej Islam kepada orang bukan Islam.

Selain itu, usaha ini turut diteruskan oleh ilmuan Muslim seperti Imam al-Ghazali, Ibn Taimiyah, al-Biruni, al-Shahrastani dan Syeikh Ahmad Deedat. Hasilnya, teknik dakwah melalui perbandingan agama ini aktif dilaksanakan oleh individu seperti Shah Kirit dan Firdaus Wong. Peranan pihak badan bukan kerajaan seperti Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM) dan Hidayah Centre Foundation juga wujud secara aktif dengan penganjuran kursus-kursus Ilmu Perbandingan Agama dalam kalangan masyarakat Muslim khususnya di Malaysia.

Hal ini jelas menunjukkan bahawa disiplin ilmu ini bukanlah perkara baharu dalam kalangan umat Islam dan dakwah. Namun, perubahan zaman mendorong kepada nama-nama dan istilah kepada ilmu tersebut diberikan bagi membezakannya dengan cabang ilmu yang lain.

- **Saling Berkenalan Dalam Bingkai Masyarakat Majmuk**

Ilmu Perbandingan Agama ini berperanan dalam membantu kita mengenali agama-agama lain yang dianuti oleh masyarakat di Malaysia. Antara agama yang majoriti dalam kalangan masyarakat Malaysia selain Islam ialah Kristian, Hindu dan Budhha. Hal ini melambangkan kewujudan masyarakat majmuk yang berbilang bangsa dan agama di negara ini. Keadaan ini juga bersangkutan dengan firman Allah S.W.T dalam Surah Al-Hujurat ayat 13:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُم مِّنْ ذَكَرٍ وَأُنثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِيلَ لِتَعْارِفُوا إِنَّ أَكْثَرَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَنْفَاقُكُمْ إِنَّ

اللَّهُ عَلِيمٌ حَيْرٌ – 49:13

Maksudnya: "Hai manusia, sesungguhnya Kami menciptakan kamu dari seorang laki-laki dan seorang perempuan dan menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku supaya

kamu saling kenal-mengenal. Sesungguhnya orang yang paling mulia di antara kamu di sisi Allah ialah orang yang paling takwa di antara kamu. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Mengenal.”

Melalui ayat tersebut, seharusnya kemajmukan di dunia khususnya di Malaysia menghasilkan sebuah keharmonian dalam kepelbagaian jika kita benar-benar menghayatinya. Sepertimana yang dinyatakan oleh Khadijah Mohd Khambali@Hambali et al (2013) dalam *Dialog Antara Agama Dalam Konteks Ilmu Perbandingan Agama Menurut Perspektif Islam*, pendekatan Ilmu Perbandingan Agama merupakan antara solusi dalam menangani isu antara Muslim dan *non-Muslim*.

Jika diimbaskan kembali peristiwa 13 Mei 1969 dan yang terkini, rusuhan di hadapan kuil Seafield, Petaling Jaya, kesannya sehingga melibatkan korban nyawa. Tidak lain tidak bukan, puncanya ialah isu perkauman dan perbezaan agama. Selain itu, ini adalah akibat tidak memahami akan budaya dan kepercayaan pihak yang lain. Justeru itu, mewujudkan kebersamaan dalam hal-hal umum seperti kemanusiaan, kemasyarakatan, alam sekitar dan pembangunan amatlah dituntut bagi mengekalkan keamanan dalam kalangan komuniti majmuk ini. Lebih-lebih lagi, fitrah sebagai manusia tidak boleh tidak akan cenderung kepada perkara-perkara kebaikan. Tambahan lagi, di negara ini masyarakat hidup berbilang bangsa dan agama, sudah pasti memerlukan kata sepakat bersama dalam segala hal. Bak kata pepatah, “bulat air kerana pembetung, bulat manusia kerana muafakat.”

- **Membina Keyakinan dan Keimanan Terhadap Islam**

Pernah atau tidak kita membayangkan bagaimana keadaan dan perasaan saudara-saudara baharu kita sebelum dan selepas memeluk Islam? Ya benar, empati. Kalaukah kita berada di tempat Salman al-Farisi, seorang sahabat Nabi S.A.W, langkah besarnya nikmat yang dirasai menemukan kebenaran Islam setelah menganuti Majusi dan Kristian. Sebagaimana perumpamaan kita tidak akan dapat merasai nikmat kenyang setelah diuji dengan kelaparan dan tidak menikmati kekayaan melainkan pernah merasai susahnya kemiskinan.

Pendek kata, nikmat Iman dan Islam yang kita kecapi ini akan lebih dihargai serta dikukuhkan apabila mengetahui bukti kebenaran Islam berbanding agama-agama lain melalui Ilmu Perbandingan Agama. Tambahan lagi, dengan mengetahui percanggahan dalam agama-agama lain dengan Islam pastinya dapat membentengi diri Muslim daripada kebatilan tersebut. Maka apabila penghayatan ilmu tersebut diserapkan dalam diri seorang pendakwah,

semestinya dakwah dapat disampaikan dengan penuh hikmah atau bijaksana seperti saranan Al- Quran dalam Surah Al-An'am ayat 108:

وَلَا تَسْبُوا الَّذِينَ يَدْعُونَ مِنْ دُونِ اللَّهِ فَيَسْبُوا اللَّهَ عَدُوًا بِغَيْرِ عِلْمٍ كَذَلِكَ زَيَّنَ ا لِكُلِّ أُمَّةٍ عَمَلَهُمْ ثُمَّ إِلَى رَحْمَم

مَرْجِعُهُمْ فَيُبَيِّنُهُمْ إِمَّا كَانُوا يَعْمَلُونَ – 6:108

Maksudnya: “Dan janganlah kamu cerca benda-benda yang mereka sembah yang lain dari Allah, karena mereka kelak, akan mencerca Allah secara melampaui batas dengan ketiadaan pengetahuan. Demikianlah Kami memperelokkan pada pandangan tiap-tiap umat akan amal perbuatan mereka, kemudian kepada Tuhan merekalah tempat kembali mereka, lalu Dia menerangkan kepada mereka apa yang mereka telah lakukan.”

Dalam konteks ini, pelaksanaan dakwah adalah melalui perbandingan agama. Namun, larangan tegas supaya tidak mencerca sembahannya agama-agama lain harus diperlakukan lebih-lebih lagi dalam kerangka masyarakat majmuk. Sudah pasti ada kebaikan dan hikmahnya dengan larangan tersebut. Oleh itu, dalam masa mempelajari ilmu Perbandingan Agama ini, dapatlah membuka ruang yang lebih luas kepada *da'i* dalam menyentuh hati *non-Muslim* dengan kebenaran Islam selain menonjolkan akhlak yang baik untuk dicontohi.

Kesimpulannya, sudut pandang tentang Ilmu Perbandingan Agama harus diletakkan dan diaplikasikan dengan teknik yang betul. Melihatkan kepada ilmu ini adalah antara metod yang sama juga digunakan oleh para Nabi dan ulama' dalam berdakwah, peranan ini harus digalas oleh Muslim dalam menyampaikan mesej Islam kepada *non-Muslim* setidak-tidaknya untuk memberikan kefahaman kepada mereka. Peluang untuk saling bertaaruf dengan mereka juga lebih terbuka dan meluas. Dengan wujudnya perbezaan agama dan bangsa, tidak semestinya tidak boleh bersepakat dalam hal-hal kemanusiaan, pembangunan dan kemasyarakatan. Hidup berkasih-sayang dan harmoni juga merupakan tuntutan dalam agama Islam, begitu juga agama-agama lain. Namun, toleransi yang dituntut dalam Islam bukanlah membawa kepada pluralisme agama.

Akhir sekali, tidaklah ilmu perbandingan agama ini mencetuskan bibit-bibit kekuatan terhadap Muslim yang mempelajarinya jika dia menghayati Akidah Islam dengan baik dan mampu membezakan antara *haq* dan *batil*. Bahkan dapat menambahkan keyakinan terhadap Islam dan lebih bersemangat mempromosikan Islam sebagai rahmat ke seluruh alam. Di samping itu, dapat menghancurkan persepsi buruk dan ketakutan dunia terhadap Islam kerana Islam tertegak dengan kasih sayang, bukan dengan mata pedang. Moga Allah redha.

**THE INTERNATIONAL CONFERENCE ON AKIDAH, RELIGIONS AND SOCIAL SCIENCES (SIGMA10)**



The 1st Virtual International Conference on Akidah, Religions and Social Sciences (SIGMA10) was held successfully on Wednesday, November 4, 2020 with the theme, "*Towards Peaceful Co-Existence and Excellence of Ummah: An Implication of Rahmatan Lilā'lamin*." It was organized by the Programme of Akidah and Religion Studies, Faculty of Leadership and Management, USIM. The seminar also marked the 10<sup>th</sup> series of its formation since 2010. The objectives of the conference were to promote peaceful coexistence within Muslims, to focus on religious tolerance and harmony between Muslims and Non-Muslims, and to highlight Islamic role models on the development of humanity and Ummah.

The conference SIGMA was first held in 2010 with the aim of serving as a global platform to share knowledge and experience in the fields of Akidah, Tasawwuf, Religions and Philosophy. Last year's Virtual International conference was more diversified and extensive in the areas it covered; it covered not only Akidah and Religions but also social sciences.

The conference was blessed with two keynote speakers, Assoc. Prof. Dr. Anis Malik Thoha, The Deputy Dean, Faculty of Islamic Development Management, UNISSA, Brunei Darussalam, and Dr. Jamal Faruq Jibril Mahmud Ad-Daqqaq, Former Dean, Faculty of Islamic Da'wah, Al-Azhar University, Egypt.

It was grateful to the many experts from different fields who came to share their knowledge in SIGMA10 in different languages, English, Arabic and Malay. Indeed, the conference was a platform for a collaborative environment to academicians, researchers, and practitioners to exchange and share their experiences and research results on all aspects of Aqidah, Religions and Social Sciences.

## **Penghargaan**

Setinggi-tinggi kesyukuran kami ucapkan kehadrat Allah Yang Maha Bijaksana yang merezekikan kami masa dan tenaga dalam memperjuangkan agama yang suci ini. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w, rasul akhir zaman yang membawa rahmat kepada sekalian alam serta ahli keluarga baginda dan para sahabat serta orang-orang yang mengikut jejak langkahnya sehingga hari akhirat.

Majalah ini merupakan hasil karya para pensyarah dan pelajar Pengajian Akidah & Agama yang menghimpunkan beberapa artikel ilmiah dan separa ilmiah. Penulisan majalah ini bertujuan untuk mencungkil bakat penulisan dalam kalangan pelajar Pengajian Akidah & Agama dan memberi platform kepada para pensyarah serta pelajar untuk berkarya secara penulisan akademik atau bukan akademik.

Sekalung penghargaan kami ucapkan kepada Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP), Universiti Sains Islam Malaysia di atas sokongan yang diberikan bagi menjayakan majalah ini. Seterusnya, ribuan terima kasih diucapkan kepada Ketua Program dan barisan pensyarah yang banyak membantu memantau proses gerak kerja Majalah Al-Hikmah.

Sehubungan dengan itu, kami di pihak editor Majalah Al-Hikmah mengajak anda semua untuk berkarya dan menjadi sebahagian dari penyumbang hasil penulisan di Al-Hikmah. Anda boleh menghantar karya-karya anda ke alamat e-mel Al-Hikmah iaitu alhikmah.perwadah@gmail.com. Diingatkan juga bahawa penulis bertanggungjawab terhadap penulisan masing-masing dan tidak semestinya penulisan di dalam majalah ini mewakili pihak Fakulti Kepimpinan & Pengurusan mahupun Universiti Sains Islam Malaysia.

Akhir sekali, jutaan terima kasih diucapkan kepada barisan sidang editor yang telah bertungkus-lumus menyiapkan majalah daripada awal hingga ia berjaya diterbitkan. Moga usaha ini diberkati dan diredhai Allah dan menjadi antara saham kebaikan di akhirat kelak. Selamat membaca!